



TERBITAN RASMI
MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG

EDISI KETIGA
2023 | 03

JULAI - SEPTEMBER 2023

١٤٤٤ هـ - ٢٠٢٣ م

KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2023

Kembali Menemui Rakyat



Edisi Digital



EDISI 03 2023

KANDUNGAN MENARIK



M/S 23 Latihan dan Bengkel Pengemaskinian Sub Modul myPortfolio Pentadbiran.



M/S 7 Piala Datuk Bandar Pasir Gudang Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2023.



M/S 25 Program Pembuatan Em-Mudball Bersama Pelajar Sekolah SMK Bandar Seri Alam.



M/S 29 Majlis Penghakupayaan Projek Kebun Bandar Komuniti Pasir Gudang.

© HAK CIPTA TERPELIIHARA

Sidang Redaksi BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Aras 19, Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777
Faks : 07- 251 5260
Web : www.mbgp.gov.my

SIDANG REDAKSI BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman
Setiausaha

EDITOR

Puan Siti Famziah binti Azman
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhammad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK disediakan oleh PGI Media



PERHIMPUNAN BULAN SEPTEMBER WARGA KERJA MBPG &

MAJLIS PERASMIAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) DAN KOD ETIKA TATA KELAKUAN MBPG



Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah meluangkan masa bersama warga kerja MBPG sempena Perhimpunan Bulanan bertempat di Laman Xtreme Pasir Gudang pada 3 September 2023.

Dalam majlis tersebut, beliau turut memberi penjelasan dengan menyentuh segala dasar yang berlaku di peringkat kerajaan negeri yang turut melibatkan MBPG seperti program Penempatan Silang Pegawai (PCF) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor Siri 2 di mana 5 orang pegawai MBPG turut terlibat.

Perubahan merupakan lanjutan daripada program PCF yang dilaksanakan sebelum ini. Seramai 5 orang pegawai daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) turut ditempatkan di MBPG berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Program peningkatan kerjaya ini bertujuan bagi memberi pendedahan yang lebih meluas terhadap pengetahuan, kemahiran baru serta amalan terbaik melalui pengalaman penempatan di organisasi lain.

Bersempena perhimpunan kali ini, Datuk Bandar telah berkesempatan menyempurnakan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Rasuah (ABMS) dan Kod Etika Tata Kelakuan MBPG.

Beliau turut merakamkan penghargaan buat warga kerja MBPG atas segala daya usaha dan komitmen yang telah diberikan dengan mengumumkan penerima Anugerah Jabatan Terbaik dan Pekerja Cemerlang untuk 3 penggal sepanjang sesi Januari hingga Ogos 2023.

Majlis diakhiri dengan semua warga kerja MBPG terlibat dengan aktiviti *plogging* di sekitar Kawasan Laman Xtreme dan perkedaian Taman Mawar di Jalan Mawar 46.

PROGRAM BICARA INTEGRITI

RASUAH DALAM KERJAYA BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Rasuah pada masa kini dilihat seolah-olah menjadi normalisasi dalam kalangan masyarakat. Demi membendung isu ini, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Khidmat Pengurusan dan Bahagian Audit Dalam & Integriti telah bekerjasama menganjurkan program Bicara Integriti: Rasuah Dalam Kerjaya Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Mawar Pasir Gudang pada 5 Julai 2023.

Program dianjurkan bertujuan sebagai pemerkasaan integriti yang dilaksanakan di peringkat organisasi selain sebagai langkah progresif dan konsisten dalam meningkatkan kesedaran dan pengukuhan integriti di kalangan warga kerja MBPG dari semasa ke semasa. Hal ini sekaligus dapat memenuhi objektif SPRM memberi kesedaran dan membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan, lebih-lebih lagi kepada penjawat awam yang muda serta baru sahaja menempuh alam kerjaya khusus yang menyertai MBPG.

Seramai 532 orang warga kerja MBPG telah terlibat mengikuti program ini dan ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan yang merupakan Penguasa SPRM negeri Johor, Pn. Salmiha bin Saidin.

Turut hadir menjayakan program, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Pn. Hajah Faridah bin Abdul Hamid, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan, Pn. Farah Wahidah binti Nasruddin, Ketua Bahagian Audit Dalam & Integriti, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai MBPG.





“IDEA INOVATIF PEMANGKIN TRANSFORMASI DINAMIK TEMA KONVENTSYEN KUALITI MBPG 2023”

“Idea Inovatif

Pemangkin Transformasi Dinamik”,

merupakan tema KIK MBPG yang dipilih bagi tahun 2023. Sebanyak 15 Kumpulan Inovasi Kreatif (KIK) daripada pelbagai Jabatan, Bahagian dan Unit melalui 8 kumpulan kategori teknikal serta 7 kumpulan kategori pengurusan telah bersaing mempersembahkan projek masing-masing. Selain itu, 9 kumpulan MBPG pula terlibat melalui kategori projek Kaizen. Julung-julung kalinya penganjuran kali ini mendapat penyertaan daripada pihak industri seperti IOI Pan Century Oleochemicals Sdn Bhd, Synthomer Sdn Bhd dan Johor Port Berhad.

Konvensyen berlangsung selama 2 hari iaitu pada 21 dan 22 Ogos bertempat di Aras 3, Menara Aqabah, Pasir Gudang dengan kerjasama *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*.

Kategori Teknikal berlangsung di Stream A, Auditorium Dahlia manakala Kategori Pengurusan berlangsung di Stream B, VIP Banquet Hall. Keseluruhan sebanyak 10 kategori pertandingan disediakan. Panel juri kali ini terdiri daripada YBhg. Pn. Nazilah binti Ahmad, Pengurus MPC Wilayah Selatan, Pn. Nur Fadzrina binti Mahamad Razi, Pengurus Program Yayasan Inovasi Malaysia, Dr. Dayangku Suraya binti Awang Jafar, Pegawai Latihan Vokasional ILP Pasir Gudang dan Ts. Dr Farhan Mohamed, Pengarah Jabatan Komputeran Emergen, Fakultiti Komputeran Universiti Teknologi Malaysia.

Lebih 300 penyertaan pertandingan poster kategori cetakan dan lukisan diterima selain 15 booth pameran inovasi mengambil bahagian. Para juri bagi kategori ini terdiri daripada Cik Edzreen Syahira binti Jamil, Pensyarah Jabatan Rekabentuk, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Ts Dr Farah Hafizah binti Mukhtar, Senior Lecturer merangkap Koordinator Program, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Encik Mustaffa bin Mohd Arsal, Eksekutif Pentadbiran, Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI).

YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG melalui ucapan perasmianya, turut berharap supaya konvensyen kualiti pada masa akan datang akan mendapat penyertaan bukan sahaja dari pihak industri malah akan mendapat penyertaan daripada kumpulan komuniti melalui zon-zon Ahli Majlis di Pasir Gudang untuk bersama-sama berkongsi pandangan dan idea dalam merawat dan membina Pasir Gudang menuju kearah “Bandaraya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025”.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN PENANDAARASAN KE MAJLIS BANDARAYA IPOH

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan sesi kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan ke Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 10 Julai hingga 13 Julai 2023. Lawatan telah diketuai sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG Bersama Ketua Whip dan Ahli-Ahli Majlis serta Ketua-Ketua Jabata, Bahagian dan Unit MBPG. Lawatan kali ini bertujuan bagi memberi pendedahan serta perkongsian ilmu dalam memahami aspek konsep komersial melalui asimilasi budaya dan masyarakat tempatan termasuk aktiviti perniagaan makanan.

Beberapa lokasi berkaitan yang telah dikunjungi adalah seperti Ipoh Night Market, Ipoh Mural Street, Birch Memorial Clock Tower, Concubine Lane, Lorong Panglima Ipoh dan Taman Jepun. Delegasi turut di bawa melawat ke konti radio dan stesen televisyen MBI yang dikendalikan secara atas talian di mana Yang Berhormat Datuk Bandar dan Ketua Whip telah diundang khas bagi bersiaran melalui segmen bual bicara bersama jemputan.

Satu Perlawanan bola sepak persahabatan turut dianjurkan di antara pasukan MBI Cougars menentang pasukan MBPG bertempat di Stadium Indera Mulia. Perlawanan yang diadakan itu bukan sahaja bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim antara kedua-dua pasukan tetapi juga mengerakkan kerjasama dalam tugas dan peranan antara agensi.



LAWATAN KERJA PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan kerja oleh seramai 15 orang pegawai dari Pejabat Daerah Johor Bahru yang diketuai YBhg. Encik Najhan bin A. Rahim selaku Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Johor Bahru pada 5 Julai 2023 yang lepas.

Lawatan kerja yang diadakan adalah bertujuan bagi berkongsi pengalaman berkaitan aplikasi E-Kontrak yang telah dilaksanakan di MBPG sejak tahun 2017. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Sr. Zuraine binti Mahmood, Ketua Jabatan Pengurusan Harta Dan Komersial.

Diharapkan semoga dengan perkongsian ilmu yang dilaksanakan mampu mengerakkan lagi akan merapatkan hubungan antara jabatan dan saling memberi manfaat kepada kedua belah pihak.



TAKLIMAT PENCEN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan "Hari Bersama HR MBPG 2023" selama tiga hari mulai 16 julai hingga 18 julai 2023 yang lepas. Program berlangsung pada setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga jam 4.30 petang bertempat di Aras 3, Menara Aqabah MBPG.

Beberapa aktiviti disediakan antaranya Semakan Buku Perkhidmatan dan Data Intergriti HRMIS kepada warga kerja, taklimat pencen kepada warga kerja bertaraf tetap yang telah hampir tempoh untuk bersara. Sesi taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik Mohd Nasir bin Abdul Rahman, Penolong Pegawai Tadbir Kanan daripada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



Selain itu, program yang diadakan turut mengetengahkan topik Isu dan Cabaran Semasa: Skim Pencen, Penambahbaikan Skim Pencen, Faedah Persaraan dan Faedah Terbitan.

Dua sesi perkongsian juga dianjurkan pada 17 Julai 2023 dimana sebelah pagi disampaikan taklimat daripada pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkaitan perkara yang memberi manfaat kepada warga kerja lantikan kontrak. Manakala, ceramah pada sesi sebelah petang telah disampaikan oleh Pn. Siti Hasmah binti Marikon selaku Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat daripada Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berkaitan "Pengurusan Stress Dalam Pekerjaan".

Program ini merupakan inisiatif dalam menambahbaik penyampaian perkhidmatan menerusi komunikasi dua hala antara warga kerja MBPG dan pihak pengurusan melalui Bahagian Sumber Manusia.

Program MESRA INDUSTRI 2023 MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Program Mesra Industri kali ke-15, bilangan 2 bagi tahun 2023 merupakan satu program yang dianjurkan secara tahunan di bawah pengurusan Jabatan Perancang Bandar dan Landskap. Kali ini dianjurkan pada 10 September 2023, bertempat di Hotel Trove Johor Bahru. Program diadakan bertujuan untuk berkongsi idea berkenaan isu-isu dan permasalahan serta penambahbaikan pembangunan industri dan pelabuhan yang inklusif di Pasir Gudang.

Antara peserta dan jemputan yang hadir dalam program ini, terdiri daripada pihak perunding, syarikat swasta, pengilang-pengilang, syarikat multinasional serta pemain-pemain industri sekitar Pasir Gudang. Bagi sesi kali ini, sebanyak 4 kertas kerja dan taklimat telah dikongsikan oleh pihak SIRIM Berhad, Malaysian Green Technology & Climate Change Corporation, Clouston Design (M) Sdn. Bhd. dan dari Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Turut hadir menjayakan program, Yang Berbahagia, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Yang Berbahagia Encik Shahzul Jayawirawan bin Mohd, Pengarah Lembaga Pelabuhan Pembangunan Malaysia (MIDA) Johor, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG, wakil-wakil Industri dan wakil-wakil Badan Bukan Kerajaan.

Selesai sesi taklimat, acara kemudiannya diteruskan dengan sesi town hall yang dipengerusikan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman selaku Setiausaha MBPG bersama-sama barisan kepimpinan MBPG yang lain. Program berakhir pada jam 1.00 petang dengan sesi fotografi beramai-ramai dan jamuan makan tengahari sebelum bersurai.



PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG LIGA BOLA SEPAK BANDARAYA PASIR GUDANG 2023

Perlawanan akhir Piala Datuk Bandar Pasir Gudang Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2023 telah berlangsung pada 6 Julai 2023 jam 8.00 malam bertempat di Stadium Bola Sepak Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Keputusan Penuh MBPG FC (1) - (1) Johor Port FC. Seterusnya, Pasukan MBPG FC telah memenangi kejohanan melalui Sepakan Penalti dengan keputusan 4 berbalas 2 mengatasi Johor Port FC.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang dengan diiringi oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Turut hadir menjayakan kejohanan Liga adalah Yang Berbahagia Encik Md. Derick Basir, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port, Puan Noorhayati binti Sarmoen Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan Majlis Bandaraya Pasir Gudang serta Ketua-ketua Jabatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Dengan kemenangan ini, Johan membawa pulang hadiah wang tunai RM15,000.00, medal beserta piala, Naib Johan membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000.00, medal beserta piala manakala tempat Ketiga membawa pulang Hadiah RM3,000.00 beserta medal dan Sagu Hati tempat Kelima hingga Kelapan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00.



Berikut merupakan keputusan penuh pertandingan :

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN
Johan	MBPG FC
Naib Johan	Johor Port FC
Ketiga Bersama	JMF FC / Iskandar FC
Sagu Hati	MBIP FC
Ke 5 – 8	JBC FA JB City Boys FC Sengat FC Rovers

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan Perlawanan akhir Piala Datuk Bandar Pasir Gudang, Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2023.





KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2023

Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2023 kembali dianjurkan pada tahun ini mulai 5 Ogos hingga 8 Ogos setelah 3 tahun tidak dijalankan susulan pandemik COVID-19.

Buat julung kalinya, Tunku Mahkota Johor, DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim memimpin Jelajah Kembara Mahkota Johor 2023 yang juga merupakan edisi ke-33 bagi menyantuni Bangsa Johor.

Objektif program ini adalah untuk merapatkan hubungan antara rakyat, pemimpin dan istana Johor, selain memupuk semangat perpaduan berbilang kaum di negeri Johor. Jelajah kali ini merentasi 10 daerah melibatkan jarak perjalanan kira-kira 879 kilometer. Kulim Eco Trail di Ulu Tiram Johor Bahru menjadi lokasi pertama ketibaan Kumpulan Konvoi Diraja Johor. KMJ kali ini turut disertai oleh YAB Menteri Besar Johor dan pegawai-pegawai kerajaan negeri. Pelbagai program kebajikan dan aktiviti kemasyarakatan telah berlangsung meriah di setiap destinasi daerah yang dikunjungi.



KEMBALI MENEMUI RAKYAT



EDISI KHAS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

Bagi menzahirkan dan menyemarakkan semangat cinta akan tanah air, Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Pasir Gudang telah berlangsung dengan sangat meriah melalui pelbagai anjuran program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Segmen edisi khas ini berkongsi ragam dan sorotan lensa dalam kemeriahan sambutan yang diadakan bermula dengan konvoi bermotorisikal pada 15 Ogos 2023 sehingga penutup acara pada 2 September 2023 yang lalu.



MALAYSIA MADANI
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN

KEMPEN KIBARAN JALUR GEMILANG PERINGKAT PASIR GUDANG 2023

YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah berkesempatan menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Kibaran Jalur Gemilang Peringkat Pasir Gudang 2023 yang dianjurkan bertempat di Dataran Al-Hamra, Menara Aqabah pada 16 Ogos 2023.

Melalui upacara simboliknya, beliau melaksanakan penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua Whip dan barisan Ahli-ahli Majlis 24 Zon MBPG, selain turut menyerahkannya kepada Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil jabatan kerajaan negeri dan persekutuan di Pasir Gudang, beliau dan dif-dif kehormat kemudiannya telah bersama-sama memasang Jalur Gemilang pada kenderaan-kenderaan jabatan yang terlibat.

Selain itu Datuk Bandar turut menyempurnakan Gimik Penyerahan Jalur Gemilang kepada konvoi bermotosikal MBPG yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG yang akan menjelajah 24 zon kawasan pentadbiran MBPG sekaligus melakukan misi promosi dan hebahan aktiviti-aktiviti kemerdekaan peringkat Pasir Gudang.

Menjelang detik 31 Ogos 2023 jam 12.00 tengah malam, konvoi tersebut telah kembali semula bersempena penganjuran Majlis Perasmian Ambang Merdeka yang dianjurkan di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang. Majlis turut dihadiri dan dijayakan bersama Ahli Parlimen Tebrau, YB Jimmy Puah, ADUN Permas, YB Tuan Haji Baharuddin Mohamed Taib dan ADUN Tiram, YB Tuan Haji Azizul bin Hj. Bachok.

Semoga dengan kempen yang dianjurkan ini dapat menyemarakkan lagi semangat jati diri serta cinta dan sayangkan tanah air di kalangan rakyat Malaysia, khususnya di Pasir Gudang.



KENBARA KONVOI BERHOTOSIKAL KE 24 ZON AHLI MAJLIS MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Merupakan acara pembukaan Sambutan Hari Kebangsaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abdul Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Majlis dimulakan dengan penyerahan bendera Johor dan Jalur Gemilang kepada Ahli Majlis MBPG, agensi-agensi kerajaan di UTC, Ketua Kampung dan diikuti dengan konvoi bermotosikal. Program Kembara Konvoi Bermotosikal ke 24 Zon Ahli Majlis MBPG bermula pada 15 Ogos 2023 di Dataran Al-Hamra dengan majlis pelancaran dan berakhir pada 31 Ogos 2023, tepat jam 12.00 tengah malam sempena sambutan Ambang Hari Kemerdekaan yang diadakan di Bukit Layang-layang, Taman Bandar Pasir Gudang.

Sepanjang program berlangsung, peserta konvoi ini telah terlibat dan menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan oleh penduduk dalam zon masing-masing dan menyerahkan Jalur Gemilang dan bendera Johor sebagai gimik dan simbolik program ini.



EDISI KHAS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

PERTANDINGAN SEMPENA AMBANG KEMERDEKAAN 2023



PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK



Antara pertandingan yang telah diadakan pada 21 Ogos 2023 yang lepas ialah Pertandingan Pakaian Beragam yang melibatkan murid pra-sekolah, Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik yang melibatkan murid sekolah rendah, dan Pertandingan Deklamasi Sajak yang terdiri daripada peserta daripada pelajar sekolah menengah. Tahniah dan syabas kepada para pemenang dan peserta yang berjaya melibatkan diri.

Selain itu, Pertandingan Tarian Tradisional Pasir Gudang turut diadakan pada 9 September 2023, bertempat di Dewan Muafakat Masai. Program ini berjaya menarik minat seramai 126 peserta daripada 14 kumpulan yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, menengah dan wakil 24 zon. Program ini sekaligus dapat menggalakkan generasi muda yang terlibat, bergerak aktif sebagai satu usaha dalam memartabatkan seni budaya setiap bangsa dan kaum terutama dalam menjadikan seni tarian pelbagai budaya yang dikenali dan mendapat tempat khususnya di kalangan masyarakat Pasir Gudang.



PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM



PERTANDINGAN TARIAN TRADISIONAL PASIR GUDANG



EDISI KHAS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL AMBANG MERDEKA MBPG 2023

Berlangsung Meriah



Majlis perasmiannya telah disempurnakan pada malam 30 Ogos 2023 oleh Yang Berhormat, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Hadir sama menjayakan majlis, Yang Berhormat, Tuan Haji Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Yang Berhormat, Tuan Haji Baharuddin bin Mohamed Taib, ADUN Permas, Yang Berhormat Tuan Azizul bin Bachok, ADUN Tiram, ketua-ketua masyarakat, dan pegawai-pegawai kerajaan. Majlis turut dimeriahkan dengan acara persembahan pentas bertemakan Hari Kebangsaan, antaranya persembahan deklamasi sajak, persembahan lagu patriotik, pentomin, sketsa dari warga kerja MBPG dan persembahan artis jemputan Lah Ahmad.



Dianggarkan seramai 10 ribu pengunjung telah hadir bagi menjayakan acara apabila majlis diakhiri dengan acara kemuncaknya iaitu persembahan bunga api serentak dengan laungan keramat "Merdeka" sebanyak 3 kali yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang.



EDISI KHAS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

KARNIVAL**AMBANG MERDEKA
PASIR GUDANG 2023**→ **31 OGOS 2023** ←

Pertandingan Mewarna yang melibatkan 3 kategori umur iaitu, 4 hingga 6 tahun, 7 hingga 9 tahun dan 10 hingga 12 tahun telah diadakan. Kuiz merdeka turut disediakan buat pengunjung yang hadir bagi memeriahkan karnival. Pelbagai jualan makanan, minuman, pakaian dan pelbagai barang turut disediakan. Selain itu, acara Sukan Pertandingan Tarik Tali telah berlangsung di sebelah petang. Sebanyak 10 buah pasukan telah mengambil bahagian dan hadiah keseluruhan yang ditawarkan berjumlah RM4,500.00.

Pasukan Landak 69 telah berjaya menjadi Johan dalam acara sukan ini. Manakala, program tazkirah agama telah dianjurkan di sebelah malamnya pula dengan ceramah bertajuk ‘Hayati Makna Kemerdekaan’ yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Al-Fadhil Ustaz Mohd Syafiee bin Abd Rahman selaku Timbalan Pengurus Waqaf An-Nur Corporation Bhd. Acara pada malam tersebut telah diserikan dengan persembahan penutup daripada kumpulan Nasyid Dmend’c.



EDISI KHAS**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023****KARNIVAL****AMBANG MERDEKA
PASIR GUDANG 2023****→ 1 SEPTEMBER 2023**

Pertandingan Explorace telah berlangsung pada sebelah pagi dengan penglibatan daripada 9 buah kumpulan yang terdiri daripada wakil industri, komuniti penduduk dan warga kerja MBPG. Johan telah dimenangi oleh kumpulan Pom Pom Girl dari wakil penduduk Taman Mawar. Terdapat juga Mini Petting Zoo yang menawarkan tiket bayaran masuk serendah RM2.00 serta berpeluang bergambar dengan pelbagai haiwan, antaranya Corn Snake, Anak Buaya Tembaga, Dragon Lizard, Blue Tongued Skinks dan pelbagai jenis haiwan yang lain. Pameran cenderamata kraf dari PG Craft dan pameran peralatan memanah dan bengkel

asas memanah turut dipamerkan kepada para pengunjung yang hadir. Dengan bayaran RM5.00 yang dikenakan, orang ramai juga berpeluang untuk merasai aktiviti memanah melalui 12 kali cubaan yang diberikan.

Acara pada sebelah petang dimeriahkan pula dengan Pertandingan Memasak Mee Bandung Johor. Hadiah berupa wang tunai dan hamper telah ditaja oleh Kelab Sukan dan Kebajikan MBPG dan Petronas Dagangan Berhad. Johan berjaya dirangkul oleh Pn. Norasiah Rashid dan Puan Norizan Abdullah dari PPR Kempas, Johor Bahru. Persembahan Seni Silat dari Persatuan



Seni Silat Kerawangan Peradin Cimande dan Kumpulan Astana Sekolah Seni Malaysia telah diundang khas bagi menghiburkan pengunjung dengan persembahan yang cukup bertenaga.

Karnival turut diselang seli dengan persembahan Pertandingan Karaoke Lagu Patriotik yang dimenangi oleh adik Rayyan dari Taman Nusa Damai. Lebih mengujakan apabila acara di sebelah malamnya pula telah dimeriahkan dengan persembahan dua buah band yang sedang meningkat naik iaitu Dyna dan Karisma dari Johor Bahru.

EDISI KHAS

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023

KARNIVAL

AMBANG MERDEKA

PASIR GUDANG 2023

→ 2 SEPTEMBER 2023 ←



Pertandingan Mewarna Anak Merdeka sebagaimana lazim telah melibatkan hampir 40 orang kanak-kanak yang terbahagi kepada dua kategori iaitu berusia 4 hingga 6 tahun dan 7 hingga 12 tahun. Pertandingan Memancing turut dianjurkan dengan menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM82,200.00. Pertandingan ini antara yang popular telah menarik hampir 800 orang peserta sekitar Johor Bahru bagi merebut johan yang menawarkan wang tunai sebanyak RM20,000.00. Pertandingan memancing telah diadakan di Kawasan Tasik, Bukit Layang-Layang Pasir Gudang.

Terdapat juga persembahan Kumpulan Taekwando

Tanjung Emas Malaysia, persembahan Tarian Naga dari gabungan SMK Johor Jaya 1 dan Malaysia Yahya Awal Dragon Dance Troupe. Seterusnya aktiviti turut dimeriahkan dengan persembahan Zumba yang cukup bertenaga daripada tenaga pengajar Daus Don dari Pasir Gudang selama hampir satu jam tanpa henti. Pada sebelah malam pula orang ramai masih dihiburkan dengan persembahan dua buah band jemputan iaitu band Garau dan Defender yang mana menjadi sebagai persembahan menutup tirai karnival yang berlangsung sepanjang empat hari sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar.



DATO' DR. SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR AL MASRIE BIN SHEIKH MUSTAPHA



IKON ANGKASAWAN NEGARA, JEMPUTAN SESI TOWNHALL DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI BILANGAN 1 TAHUN 2023

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan telah menganjurkan Sesi Townhall Datuk Bandar bersama komuniti Bilangan 1 Tahun 2023 pada 6 Julai 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar. Program dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis MBPG, warga kerja MBPG, Wakil dari JKPZ, wakil dari agensi kerajaan dan swasta serta warga Pasir Gudang.

Majlis dimulai dengan sesi taklimat perundungan dan pembentangan beberapa akta oleh Ketua Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan, Tuan Nurazam bin Razali dan disusuli dengan segmen istimewa bicara santai melalui tetamu undangan khas Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie, Angkasawan Pertama Negera. Beliau telah berkongsi pengalaman dan pandangan melalui ceramah motivasi "Institusi Kekeluargaan Aspirasi Kepada Komuniti Sejahtera".

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan dan pembentangan pembangunan oleh YB Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Beliau turut berkongsi maklumat mengenai program komuniti yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan. Kemuncak program adalah Sesi Townhall dimana menjadi sebagai medium perbincangan secara bersemuka mengenai isu dan permasalahan yang berbangkit di antara Datuk Bandar dan Komuniti Pasir Gudang.

Program kali ini turut dimeriahkan dengan pameran agensi kerajaan dan swasta, kaunter bayaran Indah Water Konsortium (IWK), van bergerak MBPG, van bergerak informasi Majlis Agama Islam Johor (MAINJ) dan van bergerak informasi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Turut hadir menjayakan program adalah Ketua Whip Ahli Majlis, Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad, Setiausaha MBPG Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Ketua Jabatan, Bahagian dan Unit serta wakil-wakil agensi kerajaan.

Semoga melalui usaha penganjuran sesi Townhall dapat mengukuhkan lagi integrasi kebersamaan di antara rakyat dan pihak berkuasa tempatan serta memaparkan imej yang positif Majlis Bandaraya Pasir Gudang di mata masyarakat dan pemegang taruh.



LATIHAN DAN BENGKEL PENGEMASKINIAN SUB MODUL MYPORFOLIO PENTADBIRAN

Sesi Latihan dan Bengkel Pengemaskinian Sub Modul myPortfolio Pentadbiran bersama lebih kurang 60 wakil daripada setiap jabatan telah dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada 26 Julai 2023 di VIP Banquet Hall Aras 3, Menara Aqabah.

Bengkel yang diadakan meliputi sesi taklimat oleh pentadbir myPortfolio, diikuti oleh bengkel penyediaan myPortfolio. Antara tujuan melaksanakan

latihan dan bengkel adalah untuk melaksanakan *Training of Trainers (TOT)* kepada wakil jabatan yang dilantik, mengenalpasti pembetulan format myPortfolio di samping memberi latihan dan pendedahan proses pengisian myPortfolio.

Bukan itu sahaja, pelaksanaan latihan dan bengkel ini dianjurkan adalah bagi mencapai sasaran dalam usaha memastikan pengisian myPortfolio adalah mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

PENGAUDITAN AUDIT PERSIJILAN SEMULA SIRIM 1SO 14001:2015

Pengauditan Persijilan Semula ISO SIRIM 14001 : 2015 di Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Ogos hingga 9 Ogos 2023.

Sesi pengauditan kali ini diketuai oleh Tuan Syed Faddly bin Syed Bahrudin bersama beberapa juruaudit SIRIM yang lain iaitu, Encik Muhammad Syazwan bin Mohd Ghazali dan Puan Norazlina binti Ibrahim. Pengauditan persijilan adalah bagi memastikan pematuhan sumber mencukupi melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan aktiviti yang mengambil kira pemeliharaan alam sekitar.

Tujuan dilaksanakan pengauditan tersebut adalah untuk memastikan sumber yang mencukupi bagi pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar dan aktiviti melindungi alam sekitar di kawasan pentadbiran MBPG. Malah pematuhan turut fokus kepada usaha mencegah pencemaran melalui penguatkuasaan undang-undang, mematuhi keperluan undang-undang alam sekitar dan keperluan pihak-pihak berkepentingan, selain dapat memperlihatkan gerak peningkatan berterusan melalui sistem pengurusan dan prestasi alam sekitar secara konsisten.

Secara keseluruhan, berdasarkan laporan pengauditan yang dilaksanakan oleh pihak SIRIM, MBPG sekali lagi telah diiktiraf untuk memperoleh semula Persijilan ISO 14001:2015.



PROGRAM PENANAMAN POKOK 'THE RIGHT TREES AT THE RIGHT PLACE'

Aktiviti program penanaman pokok 'The Right Trees at the Right Place' mendapat sumbangan daripada CIMB Berhad dan geran penyelidikan UTM Skudai telah melibatkan komuniti, pelajar sekolah, guru pembimbing daripada 25 buah sekolah serta pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 17 September 2023 di Taman Tasek Bestari Perdana.

Program yang dilaksanakan adalah bertujuan bagi memupuk kesedaran mengenai kawasan hijau, di mana Pasir Gudang telah dipilih sebagai lokasi projek atas faktor suhu persekitaran yang tinggi, pencemaran dan pelepasan karbon yang banyak sebagai sebuah kawasan perindustrian dan pelabuhan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG. Selain itu, program ini juga turut menerima sumbangan daripada pihak FRIM yang merujuk kepada kesesuaian tempat dan jenis pokok yang ditanam oleh pihak yang terlibat. Pokok-pokok yang ditanam juga ditandakan (tagging) dan dijadikan pokok angkat kepada komuniti dan pelajar sekolah yang terlibat.

Turut hadir menjayakan program adalah Prof. Dr. Kasturi Devi A/P Kanniah, Ketua Projek Right Trees at The Right Place, Mr. Eugene Cheng Kun Meng, Asst. Vice Presiden Corporate Responsibility CIMB Bhd Johor, Prof. Azmi bin Aris, Pengarah Research Institute for Sustainable Environment, Universiti Teknologi Malaysia, Puan Norsyam Suhaina binti Yaakob, Pegawai Penyelidik Kanan, FRIM, Puan Norasliza binti Mohd Mim, wakil Pengarah Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang, Tuan Haji Nor Rahman bin Mustafa, Ketua Jabatan Perancang Bandar dan Lanskap serta Puan LAr. Zanariah Kadir, Ketua Bahagian Lanskap.

PROGRAM WORLD CLEAN UP DAY (WCD)

Seramai 100 orang warga kerja MBPG telah terlibat bersama-sama menyahut cabaran menjayakan program "World Clean Up Day (WCD)" bertempat Taman Bandar, Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada 17 September 2023.

Program merupakan anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan kerjasama dari Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan bagi menangani masalah kebersihan dan persekitaran seperti masalah sisa pepejal termasuk sisa buangan di laut.

Semoga usaha yang dilakukan dapat memberikan kesedaran kepada Masyarakat sekaligus menyuntik semangat untuk sentiasa cakna dengan kebersihan persekitaran demi melestarikan Bandar Pasir Gudang.



PROGRAM PEMBUATAN EM-MUDBALL

BERSAMA PELAJAR SEKOLAH SMK BANDAR SERI ALAM (SMKBBA)



Sempena Bulan Sains Matematik & Karnival STEM SMKBBA 2023, pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di bawah Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran dan Pelesenan telah diundang oleh pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam bagi mengendalikan Program Pembuatan EM-Mudball pada 13 September 2023.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung adalah sesi taklimat mengenai pengenalan dan cara-cara pembuatan EM-Mudball kepada guru-guru dan pelajar-pelajar SMK Bandar Seri Alam yang terlibat. Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat EM-Mudball adalah percampuran tanah merah sebanyak 150 bag, 100 bag serbuk Bokashi dan larutan EM dan Molases yang telah dibancuh dan dinamakan sebagai E-MAS.

Program berakhir dengan sesi soal jawab dan sesi fotografi bersama guru-guru dan pelajar-pelajar yang terlibat. Semoga melalui usaha penganjuran program seperti ini, pelajar-pelajar sekolah dapat menanam minat dalam meneruskan bidang berkaitan sains dan sekaligus menyumbang kepada kemajuan negara.



TAKLIMAT MICARE ANGGOTA PEKERJA MBPG



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pentadbiran AM, Jabatan Khidmat Pengurusan dengan kerjasama daripada Caspring Temasik Financial Group SD Bhd telah mengadakan sesi taklimat Micare yang melibatkan warga kerja MBPG pada 7 September 2023 bertempat di Dewan Besar Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Taklimat dijalankan bertujuan untuk pemakluman mengenai Pelan Perlindungan Warga Kerja MBPG untuk tempoh bermula 1 Julai 2023 sehingga 31 Mei 2024. Antara maklumat yang disampaikan adalah pemberitahuan kemudahan rawatan yang telah dibahagikan kepada dua, iaitu *In-patient* dan *Out-patient*.

In-patient yang bermaksud ahli atau pasangan atau anak tanggungan mendapatkan rawatan dan *admitted* di hospital pakar panel.

- Had perlindungan RM60,000.00 (sekeluarga) dan RM40,000.00 (bujang) setahun.
- GL untuk penghospitalan dan pembedahan diuruskan oleh Micare.
- Kemudahan *in-patient* sebagaimana di dalam polisi perlindungan sedia ada.

Out-patient pula bermaksud ahli atau pasangan atau anak tanggungan mendapatkan rawatan perubatan di klinik swasta panel tanpa *admitted*.

- Had kemudahan RM900.00 / RM400.00 setahun.
- Bil perubatan diuruskan oleh Micare.





PENGAUDITAN EKSA KENDIRI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG OLEH SUK JOHOR (UNIT KORPORAT DAN KUALITI)

Setelah hampir 2 tahun membuat persiapan bagi permohonan persijilan EKSA, akhirnya pada 24 Julai dan 25 Julai 2023 yang lalu, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima 3 orang juruaudit EKSA yang juga merupakan Champion EKSA lantikan MAMPU bagi melaksanakan Pengauditan Kendiri EKSA di MBPG.

Pengauditan melibatkan 27 buah Zon EKSA merangkumi bangunan pejabat di dalam Menara Aqabah, Perpustakaan Awam Pasir Gudang, Muzium Layang-Layang dan beberapa buah dewan di bawah pengurusan MBPG. Pengauditan yang berlangsung selama 2 hari ini diketuai oleh Puan Siti Nur Liyana bt Abdul Mutualib selaku ketua juruaudit bersama-sama 2 orang juruaudit iaitu Puan Siti Hajar binti Lainggeh @ Haji Abd. Rahman dari Kolej Komuniti Tanjung Piai dan Puan Noorismizah binti Ismail dari SUK Johor Unit Korporat dan Kualiti serta dibantu oleh 2 orang pembantu juruaudit.

Mesyuarat penutup pula telah diadakan pada 27 Julai 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat UTC Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang yang di pengerusikan oleh Tuan Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman selaku Pengerusi EKSA MBPG. Semasa mesyuarat diadakan, juruaudit telah membentangkan penemuan-penemuan yang diperoleh sepanjang 2 hari sesi audit berlangsung. Antaranya merangkumi contoh amalan baik, teguran (penemuan) dan saranan umum. Keseluruhan Amalan Baik yang diterima ialah sebanyak 91 amalan manakala sebanyak 65 teguran audit telah diberikan sepanjang sesi pengauditan berlangsung.

MBPG juga telah diberikan tempoh selama 3 hari bagi melaksanakan tindakan penambahbaikan daripada teguran-teguran yang diberikan. Selain itu, contoh amalan baik juga dijadikan sebagai panduan kepada semua zon manakala saranan umum pula merupakan cadangan saranan tambahan kepada MBPG dalam penambahbaikan EKSA di zon masing-masing. Semoga segala usaha dan kerjasama warga kerja dalam hasrat memperoleh persijilan EKSA dengan pencapaian cemerlang dapat direalisasikan dan menjadi contoh kepada PBT diseluruh negara khususnya di negeri Johor.





TAKLIMAT DAN LAWATAN KE SUNGAI TUKANG BATU

SERTA SUNGAI SELANGKAH OLEH EXCO PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, WARISAN DAN BUDAYA NEGERI JOHOR

Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor, telah diberi taklimat oleh pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) mengenai inisiatif kelestarian sungai di Pasir Gudang dan juga pembentangan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, pada jam 11.00 pagi di Dewan Cempaka, Menara Aqabah pada 19 September 2023 yang lepas.

Selepas sesi taklimat, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama-sama Yang Berhormat Tuan Raven Kumar melawat ke Sungai Tukang Batu dan Sungai Selangkah bagi memantau sendiri keadaan di kawasan yang terlibat.

Beliau juga berkesempatan melapangkan masa meninjau Pusat Perumahan Warga Asing Berkelompok serta Loji Rawatan Kumbahan (STP) yang merupakan inisiatif terbaru di kawasan Pasir Gudang.

Turut hadir semasa taklimat dan lawatan kerja tersebut adalah Yang Berbahagia Dr. Mohd Famey bin Yusoff, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Johor, Yang Berusaha Encik Mokhtar bin Hasran, Timbalan Pengarah Teknikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, wakil Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Tempatan Negeri Johor.



MAJLIS PENGHAKUPAYAAN PROJEK KEBUN BANDAR ■ KOMUNITI PASIR GUDANG



Pelbagai usaha dan aktiviti telah dianjurkan dalam usaha merealisasikan visi Pasir Gudang sebagai Bandar Rendah Karbon menjelang 2025, Antaranya, melalui kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), MBPG telah menganjurkan Majlis Penghakupayaan Projek Kebun Bandar Komuniti Pasir Gudang pada 12 September 2023 bertempat di Dataran Al-Hamra & Aras 3 Menara Aqabah.

Antara pengisian program adalah Majlis penyampaian sijil pencapaian kepada 32 peserta kompeten kebun komuniti Pasir Gudang yang telah berjaya menamatkan 15 modul kebun komuniti yang dilaksanakan oleh pakar pertanian UPM melalui 8 siri pemindahan ilmu. Projek Kebun Bandar Komuniti Pasir Gudang ini merupakan Program Pembangunan Komuniti Pertanian Angkat Zon Selatan yang dilaksanakan bermula Mei 2022 hingga September 2023.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, UPM, Prof. Dr. Ir. B.T. Hang Tuah Baharudin dan turut dihadiri oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, selaku Setiausaha MBPG, Tuan Haji Nor Rahman bin Mustafa, Ketua Jabatan Perancang Bandar dan Landskap serta Puan LAr. Zanariah Kadir, Ketua Bahagian Landskap.

MBPG juga telah menjemput seramai 100 pelajar dan 25 guru pembimbing dari 25 sekolah yang berpotensi untuk pengembangan ilmu melalui kebun komuniti sekolah Pasir Gudang di bawah Inisiatif Kejiraninan Hijau. Terdapat juga pelbagai aktiviti menarik, antaranya adalah pemindahan ilmu pakar pertanian UPM kepada peserta kebun komuniti, taklimat jom masuk UPM kepada pelajar sekolah, Pameran Bas Pengembangan Putra UPM, Klinik Pakar UPM dan Jualan Produk Kebun Komuniti Pasir Gudang.



SUKANEKA PUSSPANITA MBPG *Berlangsung Meriah*

PUSSPANITA Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan aktiviti sukaneka yang melibatkan ahli-ahlinya bersama anak-anak yang berusia 12 tahun dan ke bawah. Program dianjurkan bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang pada 18 Ogos 2023 yang lalu.

Sebanyak 4 acara sukaneka telah dijalankan yang melibatkan 3 kategori iaitu, Kategori Dewasa, Kategori Kanak-Kanak 7 hingga 12 tahun dan Kategori Ibu dan Anak. Antara acara yang diatur untuk para peserta, Kategori Kanak-Kanak: Permainan Baling Gelung dan Lari Dalam Kain Pelekat. Manakala, Kategori Dewasa, Kerusi Beracun, Alih Cawan Guna Belon dan Lari Dalam Kain Pelekat. Bagi Kategori Ibu dan Anak pula, Langkah Dalam Gelung, Mencari Gula Dalam Tepung Dan Alih Cawan Guna Belon. Selain itu turut diadakan Pertandingan Mewarna 2 kategori, di bawah umur 6 tahun.

2 buah Syarikat telah sudi menaja program yang dianjurkan iaitu McDonald's Pasir Gudang dengan menyediakan set makanan tengahari 'Happy Meal' sebanyak 50 set dan Hup Seng Hoon Yong Brothers Sdn. Bhd. dengan tajaan beg goodies kepada peserta. Program turut diserikan dengan acara cabutan bertuah. Selain itu, pihak McDonald's turut membawa dan menceriakan program sukaneka dengan kehadiran maskot "The Hamburglar".


Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang turut hadir memeriahkan acara sukaneka dan turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Program berakhir sekitar jam 12.00 tengahari.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG




Sambutan HARI JANTUNG SEDUNIA 2023

KENALI JANTUNG
HARGAI JANTUNG
*Use Heart
Know Heart*

1/7

Kenali Jantung Hargai Jantung dengan
Ubah gaya hidup anda

Amalkan gaya hidup sihat dengan tidak merokok,
makan secara sihat dan seimbang, aktif secara
fizikal dan tidak mengambil alkohol bagi mencegah
penyakit jantung.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

